

Doktrin Timur Tengah Baharu

Muhammad Afifi Abdul Hamid¹

Mohamad Zaidi Abdul Rahman²

Raja Hisyamudin Raja Sulong³

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan doktrin Timur Tengah baharu yang diperkenalkan oleh Amerika Syarikat dalam usaha menjadikan Timur Tengah sebagai rantau yang aman dan stabil berdasarkan demokrasi. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dan kajian perpustakaan dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sumber sekunder. Dapatkan kajian mendapati bahawa doktrin Timur Tengah baharu sebagai tindak balas Amerika Syarikat terhadap serangan pengeboman 11 September 2001. Peristiwa pengeboman 11 September 2001 menjadi titik mula bagi Amerika Syarikat dalam mengembangkan doktrin tersebut di Timur Tengah sehingga membawa kepada operasi ketenteraan di Iraq. Doktrin ini juga bertujuan untuk mempromosikan pemerintahan demokrasi bagi menggantikan para pemerintah Timur Tengah yang mengamalkan pemerintahan secara authoritarian. Kajian ini juga mengesahkan penglibatan Amerika Syarikat melalui National Endowment for Democracy (NED) dalam mencorakkan gerakan dan usaha menjadikan Timur Tengah sebagai rantau demokrasi melalui doktrin Timur Tengah baharu.

Kata kunci: *Pemetaan Timur Tengah, Geopolitik, Khilafah Uthmaniyyah, Arab Spring, Islamfobia*

PENDAHULUAN

Selepas peristiwa 11 September, George Walker Bush cuba untuk menjadikan wilayah Timur Tengah sebagai sebuah wilayah yang menerima pembaharuan dalam pentadbiran. Pembaharuan yang dimaksudkan adalah dengan menerima demokrasi sebagai tonggak pentadbiran di semua negara yang terdapat di Timur Tengah. Iraq menjadi sasaran pertama bagi usaha pembaharuan tersebut akibat daripada tindakan tidak terkawal bekas presidennya iaitu Saddam Hussein yang mengancam kedaulatan negara-negara sekeliling Iraq. Amerika Syarikat melalui setiausaha negaranya iaitu Condoleezza Rice mula

¹ Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Siasah Syariyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur. Email: Alfaqir_afifi@yahoo.com.my

² Pensyarah Kanan, Jabatan Siasah Syariyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

³ Pensyarah Kanan, Jabatan Siasah Syariyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

memperkenalkan terma Timur Tengah baharu ketika berlakunya perang antara Lubnan dan Israel pada tahun 2006. Idea bagi kajian ini hasil daripada kesimpulan yang dibuat daripada kenyataan Setiausaha Amerika Syarikat tersebut.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat beberapa peranan Amerika Syarikat di Timur Tengah iaitu: Apakah tindakan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat pasca serangan 11 September? Perkaitan antara kempen memerangi pengganas oleh Amerika Syarikat dengan usaha mempromosikan demokrasi di Timur Tengah? Keterlibatan badan *National Endowment's for Democracy* (NED) di bawah Amerika Syarikat dalam mempromosikan demokrasi di Timur Tengah? Adakah Amerika Syarikat melalui NED terlibat dalam Kebangkitan Arab tahun 2011? Kesemua persoalan ini kemungkinan mampu mengesahkan kewujudan doktrin Timur Tengah Baharu sebagaimana kenyataan yang dikeluarkan oleh Rize pada tahun 2006.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini mempraktikkan pendekatan kaedah kualitatif berdasarkan dua kaedah utama iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan pendekatan proses dokumentasi serta kajian perpustakaan bagi mendapatkan data-data primer dan sekunder berbentuk dokumen rasmi, buku, kertas kajian ilmiah dan lain-lain. Selepas selesai proses pertama daripada kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis data-data yang diperolehi dan diterjemahkan dapatan-dapatan tersebut dalam kajian pada kali ini. Data-data ini dibandingkan pengkaji dengan data-data rasmi daripada sumber-sumber lain selain kajian-kajian oleh beberapa pengkaji Barat. Pengkaji turut mempersempit data-data dan dapatan-dapatan tersebut dalam bentuk jadual, carta dan gambar rajah.

HASIL KAJIAN

Peristiwa 11 September Terhadap Kempen Memerangi Pengganas

Peristiwa pengeboman 11 September memberi kesan yang mendalam kepada Amerika Syarikat terkait dasar keselamatan dan hubungannya dengan dunia Islam. Peristiwa ini menjadi faktor terbesar bagi Amerika Syarikat dalam menghadapi keganasan yang bersifat global dengan memperkenalkan kempen “*War on terror*” sembilan hari selepas pasca pengeboman 11 September tersebut.

Pasca pengeboman 11 September menjadi titik mula bagi Amerika Syarikat dan negara-negara Barat dalam melancarkan operasi *counterterrorism* di peringkat global. Melalui kempen ini, Amerika Syarikat cuba untuk “membersihkan” negara-negara di Timur Tengah daripada ancaman pengganas seterusnya meng-import masuk kebebasan dan keamanan ke negara-negara tersebut. Kempen yang diumumkan ini sebagai tindak balas Amerika Syarikat terhadap serangan tersebut.

Amerika Syarikat turut menjalankan kerjasama strategik dengan beberapa negara Islam yang ingin bersama-sama mengambil bahagian dalam menghadapi ancaman pengganas di peringkat global melalui kempen tersebut. Mengambil contoh, antara negara Islam yang terlibat dengan kempen “*War on terror*” ini adalah Pakistan. Presiden

negaranya iaitu Musharraf bahkan menggelar dirinya sebagai “bulwark” ataupun benteng bagi menentang serta memerangi pengganas yang terdapat dalam kalangan umat Islam dengan mengadakan hubungan risikan antara negara bersama Amerika Syarikat.⁴

Pakatan ini yang dikenali sebagai *Nation's Inter-Service Intelligence* adalah bertujuan untuk berkongsi maklumat risikan antara negara dalam menghadapi ancaman pengganas di peringkat global. Di peringkat Asia Tenggara, selain Indonesia, Filipina menjadi negara terkehadapan dalam melakukan kerjasama dengan Amerika Syarikat dalam usaha tersebut. Amerika Syarikat bahkan menghantar pihak tenteranya ke Filipina untuk mengadakan latihan ketenteraan bersama tentera Filipina bagi operasi *counterterrorist*. Di Timur Tengah, Arab Saudi melalui Riyadh turut menyatakan sokongan terhadap kempen yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat dalam memerangi pengganas global. Peristiwa 11 September menjadi titik mula bagi Barat yang diketuai oleh Amerika Syarikat dalam menghalakan semua punca keganasan global adalah disebabkan oleh umat Islam. Amerika Syarikat mula melancarkan operasi ketenteraan di negara-negara umat Islam sebagaimana yang terjadi di Iraq dan Afghanistan.⁵

Kempen memerangi pengganas di peringkat global yang dianjurkan oleh Amerika Syarikat ini memberi kesan besar kepada pentadbiran dan politik tempatan negara-negara umat Islam. Di beberapa negara, kempen ini menyebabkan perbezaan yang ketara dalam kalangan umat Islam antara yang berfahaman Islam pertengahan dan yang melampau. Sebahagian besar umat Islam melihat kempen “*War on terror*” yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat sebagai memerangi umat Islam dan bukannya bertujuan untuk memerangi pengganas. Pasca peristiwa pengeboman 11 September 2001 menjadi titik hitam buat umat Islam kerana bermulanya operasi ketenteraan oleh Amerika Syarikat di beberapa negara Islam.⁶

Iraq dan “*War on Terror*”

Adakah benar operasi ketenteraan yang dilancarkan Amerika Syarikat di Iraq adalah bertujuan untuk memerangi pengganas dalam kalangan umat Islam menjadi tanda tanya sehingga hari ini. Saddam Hussein yang didakwa memiliki hubungan dengan kumpulan radikal Al-Qaeda di Afghanistan menjadi alasan utama bagi Amerika Syarikat dalam melancarkan operasi ketenteraan di Iraq. Perdebatan dalam kalangan sarjana terkait serangan Amerika Syarikat di Iraq berlaku sehingga hari ini dan sebahagian daripada mereka menafikan ianya adalah bertujuan untuk memerangi pengganas.

Bagi sarjana yang menafikan ianya bertujuan untuk memerangi pengganas, mereka berpendapat presiden Bush melancarkan serangan di Iraq pasca serangan 11 September adalah bertujuan untuk melaksanakan agenda *neoconservative* yang terdapat dalam pentadbiran negara tersebut (Halper dan Clarke 2005). Antara individu dalam pentadbiran Amerika Syarikat yang dikaitkan dengan aliran *neoconservative* ialah presiden dan timbalan presiden sendiri selain Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld, Penasihat

⁴ Angel M. Rabasa, “The Muslim World after 9/11,” (Pittsburgh: RAND Corporation, 2004), 51.

⁵ *Ibid.*

⁶ *Ibid.*, 52.

Keselamatan Kebangsaan Condoleezza Rice, I. Lewis Libby, Paul Wolfowitz, Douglas J. Feith dan Richard Perle.⁷

Agenda ini bermula dengan pihak pentadbiran Amerika Syarikat melancarkan draf *National Security Strategy of the United States of America* pada September 2002. Berpandukan draf ini, Amerika Syarikat melalui kementerian luar negaranya berhasrat untuk mempromosikan agenda demokrasi secara lebih agresif di peringkat global dan Iraq menjadi antara negara sasaran terawal. Amerika Syarikat berhasrat untuk menjadikan Iraq sebagai negara model bagi demokrasi di Timur Tengah sebelum dilaksanakan di negara-negara lain sekitarnya.⁸

Kabinet Amerika Syarikat melalui draf ini turut meluluskan sebarang operasi ketenteraan atau dikenali sebagai *preventive wars* yang dilancarkan oleh presidennya jika ia bertujuan untuk melindungi kepentingan negara. Amerika Syarikat berusaha untuk memaksa negara-negara sasaran supaya menerima demokrasi sebagai alat dalam pentadbiran dan menuntut perubahan regim pemerintah sebagai syarat utama. Saddam Hussein menjadi pemerintah pertama yang digulingkan kononnya kerana memiliki hubungan dengan kumpulan penganas, memiliki senjata nuclear selain menolak pendemokrasian oleh Amerika Syarikat.⁹ Penolakan Iraq terhadap demokrasi turut dinyatakan Saikal dan Schnabel:

*“Syria, Iraq, Sudan and Libya are very resistant to democratization...
There is no attempt at democratization in Iraq and Libya where authoritarian rulers (Saddam and Qaddafi) cling to power...”¹⁰*

White House semasa pentadbiran Bush berulang kali menyatakan bahawa operasi ketenteraan Amerika Syarikat di Iraq adalah bertujuan untuk menghalang Saddam Hussein daripada memindahkan senjata nuclear yang dimilikinya kepada Al-Qaeda yang didakwa menjadi dalang bagi serangan 11 September 2001. Amerika Syarikat menjadikan ini sebagai alasan utama dalam melaksanakan operasi ketenteraan di Iraq bagi melindungi negaranya daripada sebarang kemungkinan serangan baru jika tidak dicegah.¹¹

Walaupun operasi ketenteraan yang dikenali sebagai *Operation Iraqi Freedom* (OIF) dilancarkan di Iraq berjaya menjatuhkan Saddam Hussein, namun sehingga kini tidak terdapat sebarang bukti yang boleh dikaitkan tentang penglibatan bekas presiden Iraq tersebut dengan serangan 11 September 2001 oleh Al-Qaeda. Tiada bukti kukuh tentang kolaborasi antara organisasi penganas tersebut dengan regim Baath yang diketuai oleh Saddam Hussein di Baghdad. Bekas Pengarah Jabatan Polisi Negara Amerika Syarikat iaitu Richard Haass pada tahun 2003 turut menafikan pemilikan senjata nuklear oleh Iraq malah menentang operasi ketenteraan yang dilancarkan oleh Bush. Memetik kenyataan Richard:

⁷ Record, J., “Why the Bush Administration Invaded Iraq: Making Strategy after 9/11,” *Strategic Studies Quarterly* 2 (2008): 63.

⁸ *Ibid.*, 65.

⁹ *Ibid.*, 66.

¹⁰ Saikal, A. dan Schnabel, A., “Democratization in the Middle East: Experiences, Struggle and Challenges,” (New York: United Nations University Press, 2003).

¹¹ Record, J., “Why the Bush Administration Invaded Iraq: Making Strategy after 9/11,” *Strategic Studies Quarterly* 2 (2008): 67.

“When it came to nuclear weapons, the intelligence at the time did not support acting. Iraq did not possess nuclear weapons or even a nuclear weapons program worthy of the name.¹²

Menurut Richard lagi, tiada alasan kukuh untuk mempercayai dakwaan bahawa Saddam Hussein akan menggunakan *Weapon of Mass Destruction* (WMD), termasuk senjata nuklear yang lain bagi menyerang mana-mana negara. Dakwaan *White House* bahawa Saddam mungkin akan memindahkan senjata nuklearnya kepada Al-Qaeda adalah tidak berdasarkan bukti-buktii kukuh yang boleh diteliti dan ianya hanyalah bersifat prejudis semata-mata. Penafian ini turut disokong oleh Adam Cobb, seorang sarjana di Amerika Syarikat. Memetik kenyataan Adam Cobb:

“The president and others have repeatedly said that Saddam “could” hand over WMD to Al-Qaeda. It is certainly technically possible, but they have never provided more than vague innuendo to suggest what incentives Saddam might gain from doing so, this is because the proposition does not bear scrutiny.¹³

Tiada penemuan yang dapat menyokong dakwaan Amerika Syarikat bahawa Saddam memiliki WMD seterusnya menafikan tuduhan Saddam akan memindahkan teknologi dan senjata nuklearnya kepada Al-Qaeda. Pihak penyiasat daripada *United Nations* pernah menggeledah di beberapa tempat yang didakwa disimpan senjata tersebut selain di kediaman Saddam sendiri. Siasatan dan penggeledahan dijalankan selama empat bulan itu tidak menemui sebarang senjata yang didakwa dimiliki oleh Saddam. Jumlah kawasan yang digeledah adalah sebanyak 141 kawasan dan selepas empat bulan pihak penyiasat tidak menemuinya, mereka serta merta menghentikan operasi penggeledahan. Laporan daripada siasatan tersebut menyatakan: “*no evidence or plausible indication of the revival of a nuclear weapons program in Iraq*” dan ianya menjadi bukti kukuh bagi menafikan dakwaan Amerika Syarikat.¹⁴


Kesimpulannya, terdapat beberapa faktor yang dikaitkan dengan operasi ketenteraan oleh Amerika Syarikat di Iraq antaranya bertujuan untuk memutuskan rangkaian hubungan antara Saddam Hussein dan ketua Al-Qaeda di Afghanistan Osama bin Laden, dakwaan Saddam memiliki senjata pemusnah berskala besar WMD, melaksanakan usaha mendemokrasikan Timur Tengah dengan cara menjatuhkan regim-regim pemerintah diktator dan menjamin keselamatan bagi negara sekutu kuat Amerika Syarikat iaitu Israel. Kesemua faktor ini dirangkulkan dalam kempen “*War on terror*” yang dilaksanakan oleh Amerika Syarikat di peringkat global pasca peristiwa 11 September 2001.¹⁵ Rajah 1. Di bawah merupakan faktor-faktor operasi ketenteraan Amerika Syarikat di Iraq sebagaimana yang dinyatakan di atas:

¹² *Ibid.*, 68.

¹³ Adam Cobb, “A Strategic Assessment of Iraq: Civil Wars,” *Journal of International* 9 (2007): 36.

¹⁴ “United Nations Weapons Inspectors Report to Security Council on Progress in Disarmament of Iraq.” United Nation Human Right, 2003. <https://www.ohchr.org/en/press-releases/2009/10/united-nations-weapons-inspectors-report-security-council-progress>.

¹⁵ Jeffrey Record, “Why the Bush Administration Invaded Iraq: Making Strategy after 9/11,” *Strategic Studies Quarterly* 2(2008): 68.



Rajah 1. Faktor-Faktor Operasi Ketenteraan Amerika Syarikat di Iraq

Demokrasi Timur Tengah

Sistem demokrasi global tidak dapat berfungsi dengan baik sekiranya terdapat ancaman daripada kumpulan-kumpulan pengganas. Keseimbangan antara keselamatan dan kestabilan antarabangsa amat penting bagi kelangsungan demokrasi dan peristiwa 11 September 2001 menjadi titik-tolak buat Amerika Syarikat dan dunia Barat dalam memerangi pengganas global secara besar-besaran. Kempen ini bermula selepas kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh Bush 9 hari selepas peristiwa pengeboman tersebut.

Bagi Amerika Syarikat dan Barat, pendemokrasian global mampu untuk menghapuskan gerakan dan rangkaian pengganas di seluruh dunia khususnya di Asia Barat dan Asia Tengah yang ditandakan dengan Iraq, Afghanistan dan Pakistan. Sokongan Amerika Syarikat terhadap pendemokrasian negara-negara di Timur Tengah adalah melalui Unit USAID DG yang ianya diselia oleh *Department's Human Rights and Democracy Initiative* (HRDF) dengan kerjasama *Middle East Partnership Initiative* (MEPI).¹⁶


Kempen pendemokrasian ini telah bermula sejak pentadbiran Presiden Clinton pada tahun 1994 dan diteruskan oleh presiden-presiden selepasnya. Pada tahun 1990, sebanyak 100.94 juta USD telah diperuntukkan oleh Amerika Syarikat bagi membantu proses pendemokrasian Timur Tengah dan 188.93 juta USD pada tahun 2003 semasa perang di Iraq meletus (S. Finkel, Perez Linan dan M. Seligson 2006). HRDF dilancarkan pada tahun 1998 dan ianya diselia oleh Biro Demokrasi, Hak Kemanusiaan dan Pekerja Amerika Syarikat manakala MEPI merupakan inisiatif langsung oleh Presiden George W. Bush yang diperkenalkan pada tahun 2002.¹⁷

Kedua-dua badan ini bergerak selari dengan USAID DG melalui *Forward Strategy for Freedom* (FSF) untuk menjayakan proses pendemokrasian di Timur Tengah bagi membanteras aktiviti pengganas yang berpangkalan di rantau tersebut. Struktur MEPI dirangka berdasarkan laporan oleh Pembangunan Kemanusiaan Arab ataupun *Arab Human*

¹⁶ Lihat Huber, D., "Democracy Assistance in the Middle East and North Africa: A Comparison of US and EU Policies," *Mediterranean Politic* 13 (2018): 43-62.


¹⁷ *Ibid.*, 50.

Development di bawah *United Nations Development Programme* (UNDP) pada tahun 2002.¹⁸ Ia juga adalah berdasarkan inisiatif oleh Kesatuan Negara Eropah (EU) dan merangkumi empat asas utama iaitu:



Rajah 2. Asas Middle East Partnership Initiative (MEPI)

Antara tahun 1990 dan 2003, sebanyak 51 peratus dana yang disumbangkan adalah kepada masyarakat awam, 40 peratus kepada institusi-institusi negara yang terlibat dan bakinya sebanyak 9 peratus kepada parti-parti politik dan pilihanraya di negara-negara Timur Tengah (S. Finkel, Perez Linan dan M. Seligson 2006). Pecahan sumbangan pada tahun 2004 sehingga 2006 adalah 27 peratus kepada masyarakat awam, 58 peratus institusi-institusi negara dan 15 peratus untuk parti-parti politik dan pilihanraya (United States Agency for International Development (USAID) 2006). Berikut rajah 3. merupakan rangkuman bantuan Amerika Syarikat kepada Timur Tengah dan Afrika Utara daripada tahun 1946 sehingga 2018:




Sumber: (Portal Rasmi *United States Agency for International Development*- USAID, 2018)

¹⁸ Lihat Huber, D., "Democracy Assistance in the Middle East and North Africa: A Comparison of US and EU Policies," *Mediterranean Politic* 13 (2018): 43-62.

Terkini, bantuan belanjawan Timur Tengah bagi tahun 2021 adalah sebanyak USD 6.5 billion atau 15 peratus daripada bajet yang telah diperuntukan kepada Kementerian Hubungan Antarabangsa Amerika Syarikat.¹⁹ Pecahan belanjawan bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Rajah 4. BT2021 Bantuan Bilateral Timur Tengah dan Afrika Utara

dalam U.S.D billions



Sumber: (Portal Rasmi U.S. Department of State: *FY 2021 International Affairs Budget*, 2021)

Berdasarkan Gambar Rajah 4 di atas, peruntukan bantuan yang disediakan Amerika Syarikat kepada Timur Tengah dan Afrika Utara pada tahun 2021 adalah sama seperti tahun-tahun sebelumnya. Israel, Mesir dan Jordan mendapat bantuan paling banyak daripada Amerika Syarikat khususnya dalam aspek ketenteraan. Separuh daripada peruntukan di Timur Tengah telah disumbangkan Amerika Syarikat kepada Israel dalam soal ketenteraan bagi mengekalkan tahap kesediaan dan kebolehupayaan pertahanan negara tersebut berbanding negara-negara Arab di sekelilingnya.²⁰

Mesir menjadi negara kedua terbanyak mendapat bantuan bagi mengekalkan kerjasama negara ini dengan Israel khususnya dalam soal keselamatan negara sekutu Amerika Syarikat tersebut. Perjanjian Damai Israel-Mesir yang ditandatangani pada tahun 1979 menjadikan negara ini antara yang tertinggi memperoleh bantuan asing daripada Amerika Syarikat. Mengambil contoh dalam aspek ketenteraan, jet pejuang F-16, kereta kebal M1A1 Abrams dan helikopter penyerang Ah-64 Apache merupakan aset tentera buatan Amerika Syarikat yang digunakan oleh Mesir sehingga kini.²¹

Kesemua peruntukan yang disumbangkan oleh Amerika Syarikat ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kestabilan di Timur Tengah sebelum demokrasi benar-benar dapat dilaksanakan. Keganasan dan kekacauan yang ditimbulkan oleh ISIS, ISIS atau Daesh dan lain-lain kumpulan pengganas di rantau ini menjadi tumpuan utama bagi

¹⁹ “U.S. Overseas Loans and Grants: Obligations and Loan Authorizations (CONG-R-0105),” United States Agency for International Development-USAID, 2018. <https://www.usaid.gov/open/greenbook/2018>.

²⁰ Sharp. J. M. et. al. “U.S Foreign Assistance to the Middle East: Hostorical Background, Recent Trends and the FY2021 Request,” Congressional Research Service. 2015. <https://crsreports.congress.gov/product/pdf/R/R46344/3>.

²¹ Sharp. J. M. “Egypt: Background and U.S Relations (CRS Report RL33003),” Congressional Research Service. 2022. di pautan <https://sgp.fas.org/crs/mideast/RL33003.pdf>.

Amerika Syarikat. Kongres Amerika Syarikat bahkan telah meluluskan dana khas melalui *Relief and Recovery Fund* (RRF) bagi membasmikan kumpulan-kumpulan pengganas tersebut di Syria, Iraq, Libya dan Yaman. Selain itu, dana daripada RRF ini juga diperuntukan kepada Iraq bagi meneruskan program pembangunan negara selain memastikan kestabilan negara tersebut.²²

National Endowment for Democracy (NED): Arab Spring Penerus Proses Demokrasi di Timur Tengah?

Badan *National Endowment for Democracy* (NED) di bawah pentadbiran Amerika Syarikat antara yang dikaitkan dengan Kebangkitan Arab ataupun *Arab Spring* pada tahun 2011. Ini kerana pasca peristiwa 11 September 2001, Amerika Syarikat berhasrat untuk memerangi rangkaian pengganas di Asia Barat atau dikenali sebagai Timur Tengah dan Asia Tengah seterusnya memperkenalkan rantau tersebut dengan pemerintahan berdasarkan demokrasi. Amerika Syarikat melalui NED cuba untuk mengubah pemerintahan ala diktator di Timur Tengah kepada acuan demokrasi dengan tajaan negara tersebut dan Barat umumnya dan ianya telah dinyatakan sejak tahun 2002.

Pada tahun 2002, NED telah megeluarkan satu laporan rasmi berkaitan dengan proses pendemokrasian Timur Tengah. Daripada laporan tersebut, badan ini menyenaraikan tiga faktor dan justifikasi keperluan bagi membantu proses pendemokrasian dunia Islam khususnya negara-negara di Timur Tengah. Berikut merupakan tiga faktor yang dinyatakan NED:²³

1. Terdapat jurang ketara antara dunia Islam dan lainnya terkait demokrasi dengan perbandingan, hanya 11 daripada 47 negara yang majoritinya pengikut Islam mempunyai kerajaan yang dipilih berdasarkan proses demokrasi. Berbanding 110 daripada 147 negara yang majoritinya pengikut bukan Islam memilih pemimpin berdasarkan proses demokrasi.
2. Di sebahagian negara Islam yang mengamalkan keterbukaan, ideologi demokrasi dikatakan menjadi pencabar utama kepada ideologi gerakan Islam (*Islamic movement*) sehingga menyebabkan pertembungan antara kedua-duanya.
3. Mendakwa gerakan Islam sering menggunakan kekerasan bagi mencapai matlamat tertentu dan penolakan terhadap demokrasi oleh sebahagian negara Islam menjadikan ia sebagai “tanah yang subur” untuk pembiakan pengganas yang akhirnya akan mengganggu perjalanan demokrasi dunia.

Kebangkitan rakyat di Tunisia yang menuntut perubahan dalam pentadbiran negara menjadi titik mula kebangkitan Arab sebelum ianya merebak di negara-negara sekitarnya. Kebangkitan Arab ataupun dikenali sebagai *Arab Spring* melanda negara-negara di Timur Tengah sejak Januari tahun 2011 dan antara negara Arab yang paling terkesan dengan kebangkitan ini adalah Tunisia, Mesir, Libya, Bahrain, Syria, Yaman, Moroko dan Jordan. *Arab Spring* yang melanda Timur Tengah menjadi gelombang besar di zaman ini dalam

²² Sharp, J. M. et. al. “U.S Foreign Assistance to the Middle East: Hostorical Background, Recent Trends and the FY2021 Request,” Congressional Research Service. 2015. <https://crsreports.congress.gov/product/pdf/R/R46344/3>.

²³ “Strategy Document,” National Endowment for Democracy. 2002. <http://www.ned.org/docs/strategy/strategyDocument2002.pdf>.

menuntut perubahan pentadbiran politik selepas gelombang yang meruntuhkan Tembok Berlin suatu ketika dahulu.²⁴

Di bulan-bulan permulaan *Arab Spring*, Amerika Syarikat mengambil sikap berhati-hati dalam bertindak balas kepada kebangkitan yang berlaku di hampir keseluruhan Timur Tengah. Sokongan Amerika Syarikat terhadap kebangkitan rakyat di Timur Tengah hanyalah diumumkan pada bulan Mei 2011 melalui ucapan yang disampaikan oleh Presiden Obama.

Tindak balas pentadbiran Amerika Syarikat terhadap Arab Spring di beberapa negara adalah berbeza berdasarkan perbezaan polisi yang diperkenalkan. Pendekatan yang digunakan adalah samada sekadar mendesak pengunduran sesuatu regim secara aman ataupun dengan menggunakan kekerasan. Mengambil contoh di Mesir dan Tunisia, pentadbiran Amerika Syarikat lebih berhati-hati dan mengambil sikap mengimbangi antara menyokong Hosni Mubarak dan Zainal Abidin Ben Ali dengan gerakan perubahan oleh rakyat kedua-dua negara tersebut.²⁵

Begitu juga pendekatan Amerika Syarikat menyokong tindakan brutal yang dilakukan oleh pemerintah Bahrain bagi meleraikan penunjuk perasaan yang dilakukan rakyat negara tersebut. Malah ketika tentera Arab Saudi menggunakan kereta kebal pada bulan Mac 2011 bagi membantai kebangkitan rakyat di Bahrain, Amerika Syarikat hanya berdiam diri. Berbeza pula di Syria dan Libya, Amerika Syarikat memilih untuk melaksanakan operasi ketenteraan bagi membantu rakyat menggulingkan regim pemerintah kedua-dua negara tersebut.²⁶

Pendekatan yang diambil oleh Amerika Syarikat dalam bertindak balas kepada kebangkitan rakyat di Timur Tengah menjadi cerminan kepada polisi negara tersebut yang mengambil kira kepentingan negara seperti keselamatan sumber minyak di negara-negara sekutu, memerangi pengganas, perluasan pengaruh Iran dan keterbatasan kuasa dan keupayaan yang dimiliki mereka. Elemen-elemen ini yang menjadi kayu ukur bagi Amerika Syarikat malahan menyebabkan mereka mengambil sikap berhati-hati dalam bertindak balas kepada *Arab Spring* walaupun mereka secara retoriknya sering melaungkan soal demokrasi di Timur Tengah.

Namun begitu, secara umumnya Amerika Syarikat menjadi tulang belakang dalam mendanai gerakan ke arah demokrasi di Timur Tengah. Mengambil contoh, *National Endowment for Democracy* (NED) merupakan badan demokrasi yang terdapat di bawah *Department of State* Amerika Syarikat bersama-sama dengan Biro Program Kesihatan Global, Biro Nonproliferasi, Anti-Pengganas dan lain-lain.

Pada tahun 2018, sekitar USD 184,372,280 telah diperuntukkan oleh Amerika Syarikat bagi mendanai aktiviti-aktiviti dan perjalanan program-program di bawah NED.²⁷ Berikut merupakan rajah umum bagi Dana Demokrasi Amerika Syarikat daripada tahun 1946 sehingga tahun 2018:


²⁴ Fontana. I., “The EU Paradigmatic Policy Change in Light of the Arab Spring: Exploring the Black Box,” *Lifelong Learning Programme* (2014): 7-17.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*


²⁷ “U.S. Overseas Loans and Grants: Obligations and Loan Authorizations (CONG-R-0105),” United States Agency for International Development-USAID. 2018. <https://www.usaid.gov/open/greenbook/2018>.

Rajah 5. Dana Demokrasi Amerika Syarikat tahun 1946 sehingga tahun 2018




Sumber: (Portal Rasmi *United States Agency for International Development- USAID: U.S Overseas Loans and Grants: Obligations and Loan Authorizations* (CONG-R-0105), 2018)

Rajah 6. Dana Demokrasi Amerika Syarikat Bagi Timur Tengah dan Afrika Utara Tahun 1946-2018
(dalam USD millions)



Sumber: (Portal Rasmi *United States Agency for International Development- USAID: U.S Overseas Loans and Grants: Obligations and Loan Authorizations* (CONG-R-0105), 2018)

Berikut merupakan jadual bagi perincian dana demokrasi yang telah disumbangkan Amerika Syarikat kepada negara-negara di Timur Tengah sejak tahun 1946 sehingga tahun 2018:



Sumber: (Portal Rasmi *United States Agency for International Development*- USAID: *U.S Overseas Loans and Grants: Obligations and Loan Authorizations* (CONG-R-0105), 2018)

Daripada data yang dipaparkan, Iraq menjadi negara tertinggi mendapat dana demokrasi Amerika Syarikat dan manakala tiga negara iaitu Israel, Kuwait dan UAE sebaliknya kerana tidak mendapat sebarang dana tersebut. Jumlah dana yang disumbangkan kepada Iraq menunjukkan komitmen dan kesungguhan Amerika Syarikat dalam membangunkan sistem pemerintahan negara tersebut berdasarkan acuan demokrasi selepas kejatuhan Saddam Hussein.

Kali terakhir Iran menerima dana demokrasi adalah pada tahun 1983 kerana Setiausaha Amerika Syarikat George Shultz pada 19 Januari 1984 telah menyenaraikan negara ini dalam “axis of evil” kerana menyokong dan memiliki rangkaian dengan kumpulan penganas. Penyenaraian tersebut telah menyebabkan Kongres Amerika Syarikat meluluskan undang-undang yang melarang Iran daripada mendapat sebarang dana daripada negaranya. Syria juga menerima nasib yang sama apabila disenaraikan bersama-sama dengan Iran pada tahun 1979. Namun begitu, kali terakhir Syria mendapat dana demokrasi daripada Amerika Syarikat adalah pada tahun 2016²⁸ walaupun negara ini telah disenaraikan sebagai “axis of evil” sejak tahun 1979.²⁹

Pengecualian telah diberikan Kongres Amerika Syarikat kepada Syria untuk menerima dana tersebut rentetan daripada Kebangkitan Arab ataupun *Arab Spring* yang turut melanda negara ini. Kesungguhan Amerika Syarikat dalam menyokong kebangkitan rakyat di Syria yang menuntut perubahan dalam pentadbiran negara dizahirkan melalui sumbangan dana demokrasi walaupun terpaksa membelaikan keputusan terdahulu kongres pada tahun 1979.³⁰

²⁸ “U.S. Overseas Loans and Grants: Obligations and Loan Authorizations (CONG-R-0105),” United States Agency for International Development-USAID. 2018. <https://www.usaid.gov/open/greenbook/2018>.

²⁹ “State Sponsors of Acts of International Terrorism Legislative Parameters: In Brief (R43835),” Congressional Research Service. 2021. Di pautan <https://sgp.fas.org/crs/terror/R43835.pdf>.

³⁰ “U.S. Overseas Loans and Grants: Obligations and Loan Authorizations (CONG-R-0105),” United States Agency for International Development-USAID. 2018. <https://www.usaid.gov/open/greenbook/2018>.

Sokongan ke arah pentadbiran demokrasi oleh Amerika Syarikat di Timur Tengah tertakluk dan mengambil kira samada sebuah rejim itu adalah sekutu mahupun sebaliknya. Ini dibuktikan dengan sikap berhati-hati dan keteragakan Amerika Syarikat menyokong kebangkitan rakyat di Bahrain yang merupakan sekutu bagi negara tersebut sedangkan di Libya, mereka tidak mengambil masa yang lama menyokong kebangkitan tersebut bahkan turut melancarkan operasi ketenteraan bagi menggulingkan bekas Presiden Muammar Gadaffi.

Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas peranan NED dalam menganjurkan *Arab Spring*, tetapi data-data yang ditunjukkan di atas menjadi penegasan terhadap keterlibatan secara tidak langsung badan ini dan Amerika Syarikat umumnya terhadap gelombang kebangkitan rakyat di Timur Tengah pada tahun 2011.

Doktrin Timur Tengah Baharu

Sebagaimana yang pengkaji nyatakan di bahagian pendahuluan, kajian ini adalah berdasarkan kesimpulan daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Amerika Syarikat iaitu Condoleezza Rice dalam ucapan semasa pertemuannya dengan Perdana Menteri Israel Ehud Olmert di Jurusalam pada Julai 2006. Berikut merupakan sebahagian daripada teks ucapan tersebut:

“As we deal with the current circumstances, we need always to be cognizant of and looking to what kind of Middle East we are trying to build. It is time for a new Middle East. It is time to say to those who do not want a different kind of Middle East we will prevail, they will not...”³¹

Walaupun doktrin Timur Tengah baharu diketahui umum hanya selepas daripada ucapan Rize pada tahun 2006, namun formular bagi doktrin ini telah wujud sejak tahun 1993 rentetan daripada Perjanjian Oslo. Doktrin ini diperkenalkan oleh Menteri Luar Israel iaitu Shimon Peres yang mempersemprehankan idea tentangnya melalui buku berjudul *The New Middle East*. Doktrin ini menurut Peres berkisar tentang penyelesaian konflik antara Palestin dan Israel.³² Umumnya, doktrin Timur Tengah baharu merupakan dasar luar bagi Amerika Syarikat untuk membawa agenda perdamaian di rantau tersebut pasca serangan 11 September 2001. Doktrin ini boleh ditafsirkan sebagai usaha Amerika Syarikat bagi menjaga beberapa kepentingan negara tersebut di Timur Tengah berdasarkan beberapa asas utama. Berikut merupakan asas-asas yang membentuk doktrin Timur Tengah baharu:

³¹ Bransten, J., “Middle East: Rice Calls for a New Middle East” (Britain: Radio Liberty, 2006).

³² Perez, S., “The New Middle East” (New York: H. Holt, 1993), 50.



Pendemokrasian Timur Tengah dengan cara memerangi pengganas hanyalah retorik yang digunakan negara tersebut bagi membenarkan setiap tindakan ketenteraan yang diambil. Perkara ini dapat dibuktikan dengan pendekatan yang diambil Amerika Syarikat ketika Timur Tengah dilanda kebangkitan rakyat pada tahun 2011. Berbanding memperjuangkan demokrasi, Amerika Syarikat lebih memilih untuk mempertahankan regim sekutunya di Tunisia dan Mesir bahkan menyokong tindakan Arab Saudi yang menyerang penunjuk perasaan di Bahrain menggunakan kereta kebal.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, terma Timur Tengah baharu hanya dikenali bermula pada tahun 2006 melalui ucapan Condoleezza Rice sedangkan usaha ke arah tersebut telah dimulakan oleh pentadbiran Bush sejak daripada peristiwa 11 September 2001. Operasi ketenteraan Amerika Syarikat di Iraq menjadi titik mula bagi pentadbiran Bush dalam melancarkan cita-citanya yang berhasrat untuk membentuk satu Timur Tengah yang baru. Operasi ketenteraan di Iraq sangatlah penting bagi Amerika Syarikat dalam melaksanakan transformasi dan doktrin Timur Tengah baharu. Sebagaimana yang dibincangkan pengkaji pada sebelum ini, Iraq menjadi negara sasaran pertama oleh Amerika Syarikat dalam melakukan perubahan pentadbiran berdasarkan demokrasi. Bush dalam ucapannya pada 7 November 2003 menyatakan pentadbirannya berhasrat untuk membentuk satu rantau baru berdasarkan demokrasi yang berpaksikan keamanan dan perdamaian.³³

Keselamatan Israel Sebagai Tunjang Kepada Timur Tengah Baharu

Keselamatan Israel antara asas bagi pembentukan doktrin Timur Tengah baharu dan perkara ini termasuk dalam kepentingan Amerika Syarikat di Rantau Arab. Konflik antara Palestin dan Israel sehingga kini tidak dapat diselesaikan dan saban tahun akan sentiasa tercetus perang-perang baru antara kedua-dua negara ini. Bagi kebanyakan sarjana, *two-state solution* menjadi satu-satunya jalan penyelesaian bagi konflik yang berlaku antara kedua-dua negara tersebut. *Two-state solution* atau penyelesaian dua negara ini juga menepati doktrin Timur Tengah baharu sebagaimana yang dikehendaki oleh Amerika Syarikat.³⁴

Sebagai sorotan, selepas beberapa siri rundingan melalui Perjanjian Camp David gagal untuk mencapai kata sepakat antara *Palestinian Authority* (PA/PLO) dan Israel

³³ Rabasa, Angel. M., “The Muslim World after 9/11” (Pittsburgh: RAND Corporation, 2004), 51.

³⁴ Ottaway, M. et. al, “The New Middle East” (Washington: Carnegie Endowment for International Peace, 2008), 34.

sebelum ianya tamat pada tahun 2000, konflik antara kedua-dua pihak ini kembali tercetus dengan kebangkitan *Intifada* kedua oleh rakyat Palestin. Presiden Bush pada tahun 2002 mengusulkan *two-state solution* sebagai dasar rasmi bagi Amerika Syarikat dalam usaha menyelesaikan konflik yang berlaku antara kedua-dua negara tersebut. Penyelesaian dua negara yang dianjurkan Amerika Syarikat ini turut disokong oleh negara-negara Arab sekitarnya dan ia menjadi asas dalam siri rundingan damai yang melibatkan Palestin-Israel daripada tahun 2007 sehingga tahun 2014.³⁵

Menyedari doktrin Timur Tengah baharu tidak dapat diwujudkan selama rantau tersebut bergolak, Amerika Syarikat di bawah pentadbiran Trump mengeluarkan secara rasmi visi negara tersebut dalam soal Palestin Israel dan Timur Tengah umumnya pada tahun 2020. Trump memperkenalkan visi untuk keamanan bertajuk *Peace to Prosperity* yang akan menjadi panduan bagi Amerika Syarikat dalam usaha menyelesaikan konflik antara kedua-dua negara. Visi ini merangkumi beberapa teras pertikaian dan antara teras pertikaian yang dimasukkan dalam visi tersebut ialah berkaitan isu keselamatan, persempadanan, siri-siri penyelesaian, Jurusalam dan soal pelarian Palestin.³⁶

Melalui Timur Tengah baharu, Amerika Syarikat akan memaksa setiap pihak yang terlibat dalam konflik di Timur Tengah untuk melupakan segala pertikaian tersebut walaupun ianya telah lama berlaku. Mengambil contoh, pertikaian antara penduduk Arab dan pendatang Yahudi terkait pemilikan Palestin. Di bawah Timur Tengah baharu, penduduk Arab Palestin akan dipaksa untuk menerima kependudukan Yahudi selain dipaksa untuk berkongsi tanah dengan pendatang Yahudi di Palestin. Contoh ini yang dimaksudkan oleh Bush bahawa sebarang tuntutan lampau adalah tidak lagi relevan melalui Timur Tengah baharu berdasarkan *two-state solution*.³⁷

Selain itu, Timur Tengah baharu juga berkisar tentang usaha Amerika Syarikat dalam mendamaikan hubungan antara negara-negara Arab dan Israel. Amerika Syarikat melalui visi *Peace to Prosperity* tahun 2020 secara rasminya memberi penumpuan kepada usaha merapatkan hubungan negara-negara Arab dan Israel. Naturalisasi hubungan antara negara-negara Arab dan Israel menjadi tunjang utama bagi doktrin Timur Tengah baharu oleh Amerika Syarikat yang berhasrat untuk mewujudkan sebuah rantau yang aman harmoni tanpa sebarang pertikaian lama.

Melalui visi *Peace to Prosperity* yang diperkenalkan Amerika Syarikat, UAE dan Bahrain menjadi negara terawal yang melakukan perjanjian keamanan dan normalisasi hubungan dengan Israel. Normalisasi hubungan antara UAE dan Bahrain dengan Israel diumumkan Trump selaku pihak ketiga pada September 2020. UAE dan Bahrain menjadi negara ketiga dan keempat yang melakukan perjanjian damai dengan Israel selepas Mesir dan Jordan pada tahun 1948. Perjanjian damai yang diadakan ini membuka satu era baru bagi visi keamanan melalui doktrin Timur Tengah baharu sebagaimana yang diimpikan oleh Amerika Syarikat.³⁸

³⁵ “The Palestinians: Background and U.S. Relations,” Congressional Research Service. 2021. <https://crsreports.congress.gov/product/pdf/RL/RL34074<>.

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Rabasa Angel M., “The Muslim World after 9/11” (Pittsburgh: RAND Corporation, 2004), 51.

³⁸ Knell, Y., “Could Peace in Middle East Bring Palestinians Prosperity,” *BBC News*, 27 Jun 2013. <https://www.bbc.com/news/av/business-23079623>.

KESIMPULAN

Doktrin Timur Tengah baharu dapat disimpulkan sebagai usaha Amerika Syarikat dan Barat bagi mewujudkan sebuah rantau yang bebas daripada rangkaian pengganas selain menjalankan pemerintahan berdasarkan acuan demokrasi. Rasional daripada pembentukan Timur Tengah baharu adalah bertujuan untuk membentuk satu rantau yang menjadi rakan strategik bagi pentadbiran Amerika Syarikat seterusnya menjamin keselamatan Israel. Kajian ini menjawab beberapa persoalan yang ditimbulkan pengkaji di bahagian pendahuluan. Amerika Syarikat pasca serangan 11 September 2011 memulakan kempen memerangi pengganas dengan melaksanakan operasi ketenteraan di Iraq.

Operasi ketenteraan di Iraq menjadi titik mula bagi Amerika Syarikat dalam memerangi rangkaian pengganas selain memperkenalkan demokrasi di Timur Tengah. NED di bawah Amerika Syarikat bertindak sebagai badan yang menyokong pendemokrasian Timur Tengah. Kajian ini juga menjawab keterlibatan NED dengan kebangkitan Rakyat yang melanda Timur Tengah pada tahun 2011 dalam usaha mereka mempromosikan demokrasi. Kesemua persoalan ini dirangkulkam dalam doktrin Timur Tengah baharu yang secara rasminya diperkenalkan oleh Condoleezza Rize pada tahun 2006.

RUJUKAN

- Adam Cobb. "A Strategic Assessment of Iraq: Civil Wars 9." *Journal of International* (2007): 20-44. Diakses pada 12 Disember 2022.
<https://doi.org/10.1080/13698240601173315>
- Bransten, J. Middle East: Rice Calls for a New Middle East. Britain: Radio Liberty, 2006.
- Congressional Research Service CRS. "Israel and the Palestinians: Chronology of a Two-State Solution." (2020). Diakses pada 12 Disember 2022.
<https://crsreports.congress.gov/IF11237.com>.
- Fontana, Iole. "The EU Paradigmatic Policy Change in Light of the Arab Spring: Exploring the Black Box." Lifelong Learning Programme (2014): 7-17. Diakses pada 12 Disember 2022.
https://www.researchgate.net/publication/316039955_The_EU_paradigmatic_policy_change_in_light_of_the_Arab_Spring_exploring_the_black_box.
- Halper dan Clarke. The neoconservative Revolution: Jewish Intellectuals and the Shaping of Public Policy. New York: Cambridge University Press, 2005.
- Huber Danial. "Democracy Assistance in the Middle East and North Africa: A Comparison of US and EU Policies." Mediterranean Politic 13 (2018): 43-62. Diakses pada 12 Disember 2022. DOI: 10.1080/13629390701864836.
- Knell, Y. "Could Peace in Middle East Bring Palestinians Prosperity." BBC News, 27 Jun 2013. <https://www.bbc.com/news/av/business-23079623>.

- National Endowment for Democracy. “Strategy Document” (2021). Diakses pada 29 Mei 2021. <https://www.ned.org/docs/strategyDocument2002.pdf>.
- Ottaway, Marina. et. al, The New Middle East. Washington: Carnegie Endowment for International Peace, 2008.
- Perez, Shimon. The New Middle East. New York: H. Holt, 1993.
- Rabasa, Angel M. The Muslim World after 9/11. Pittsburgh: RAND Corporation, 2004.
- Record, Jaffrey. “Why the Bush Administration Invaded Iraq: Making Strategy after 9/11.” Strategic Studies Quarterly 2(2008): 63-92. Diakses pada 12 Disember 2022. <https://www.jstor.org/stable/26267474>.
- Saikal, Amin dan Schnabel, A., Democratization in the Middle East: Experiences, Struggle and Challenges. New York: United Nations University Press, 2003.
- Sharp, J. M. “Egypt: Background and U.S Relations (CRS Report RL33003),” Congressional Research Service. 2020. Diakses pada 2 Julai 2022. <https://sgp.fas.org/crs/mideast/RL33003.pdf>.
- Sharp, J. M., Hemud, C. E. dan Collins, S. R. (2015). U.S Foreign Assistance to the Middle East: Hostorical Background, Recent Trends and the FY2021 Request, Congressional Research Service di pautan <https://crsreports.congress.gov/product/pdf/R/R46344/3>.
- U.S. Department of Commerce International Trade Administration, “Revision of Foreign Policy Controls on Exports to Syria, Iraq, Libya and the People’s Democratic Republic of Yemen (45 F.R. 33955)”. 2021. Diakses pada 2 Julai 2021. https://lawphil.net/judjuris/juri2021/dec2021/gr_252578_gesmundo.html.
- United Nation Human Right. “United Nations Weapons Inspectors Report to Security Council on Progress in Disarmament of Iraq”. 2003. Diakses pada 12 Disember 2022. <https://www.ohchr.org/en/press-releases/2009/10/united-nations-weapons-inspectors-report-security-council-progress>.
- United States Agency for International Development- USAID. “U.S. Overseas Loans and Grants: Obligations and Loan Authorizations (CONG-R-0105)”. 2018. Diakses pada 12 Disember 2022. <https://www.usaid.gov/open/greenbook/2018>.
- United States Foreign Minister. “Peace to Prosperity: A Vision to Improve the Lives of the Palestinian and Israeli People”. 2020. Diakses pada 20 Disember 2020. <https://trumpwhitehouse.archives.gov/wp-content/uploads/2020/01/Peace-to-Prosperity-0120.pdf>.

